

## PM ajak rakyat daftar program imunisasi

**Muar:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak rakyat segera mendaftar dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan demi kesejahteraan diri dan keluarga, sekali gus membolehkan negara mencapai imuniti kelompok.

Perdana Menteri berkata, setakat ini hanya tujuh juta daripada kira-kira 32 juta rakyat Malaysia berdaftar dengan program itu, berbanding sasaran kerajaan memvaksin 80 peratus penduduk negara ini.

“Rakyat perlu ambil peluang kerana suntikan vaksin COVID-19 disediakan percuma oleh kerajaan. Tidak perlu takut untuk menerima suntikan memandangkan saya dan isteri (Puan Sri Norainee Abdul Rahman) sendiri sudah melengkapkan suntikan dua dos vaksin COVID-19 baru-baru ini.

“Saya dan isteri sudah dapat vaksin dua kali.

Tengok masih macam ini (sihat).

“Tidak ada masalah, makan macam biasa, tidur macam biasa, jangan takut,” katanya ketika merasmikan program Jom Ke Sekolah Parlimen Pagoh dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir Bersama Yayasan Pelajaran Mara (YPM) di Kompleks Sukan Pagoh, semalam.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh, mahu rakyat Malaysia yang mendaftar program imunisasi mencapai antara 10 juta hingga 26 juta kerana apabila semakin ramai mendapat suntikan vaksin, maka negara akan lebih selamat.

“Itu tujuan kerajaan, bukan dengan niat apa, tetapi untuk menolong rakyat. Rakyat harus tolong diri sendiri untuk memastikan kehidupan yang selamat dan sihat,” katanya.